

SK TAMAN UNIVERSITI 2  
JOHOR BAHRU  
BAHASA MALAYSIA KERTAS 1 TAHUN 6

ARAHAN: KERTAS INI MENGANDUNG 40 SOALAN OBJEKTIF. JAWAB SEMUA SOALAN DENGAN MEMILIH JAWAPAN YANG PALING TEPAT.

SOALAN 1 HINGGA 20. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

1. Ramai pekerja di Pasaraya Indah\_\_\_\_\_ kerja oleh majikan kerana majikan mereka mengalami masalah kewangan .

- A. diberhentikan      B. Memberhenti      C. berhenti-henti

Soalan 2 , rujuk gambar 1



Gambar 1

Pak Mat Sani ialah seorang pemuzik yang mahir \_\_\_\_\_ biola.

- A. Memetik      C. menggesek  
B. menggosok      D. memegang

3. Rombongan meminang itu membawa \_\_\_\_\_ cincin berlian untuk pihak perempuan sebagai tanda pertunangan.

- A. sebijji      B segelung      C. sebentuk

4. Puan Zaitun menyuruh Fitri mengambil tiga \_\_\_\_\_ suratkhabar Didik dan beberapa \_\_\_\_\_ Kamus Dewan di atas mejanya di bilik guru.

- A. helai... buah      B. naskhah...buah  
C. keping...naskhah      D. gelung... keeping

5. "\_\_\_\_\_ harus membawa nota yang saya beri semalam pada hari Isnin minggu hadapan," kata Puan Ilii kepada murid-murid yang \_\_\_\_\_ ajar di sekolah itu.

- A. Kamu...dia  
B. Kalian...saya  
C. Kalian...beliau

6. Sultan Melaka sangat murka kepada Tun Tuah yang tidak berjaya meminang Puteri Gunung Pulai untuk \_\_\_\_\_.

- A. Beta      B. dia      C. patik      D. baginda

7. Ramai pelanggan sangat berpuas hati menerima layanan yang \_\_\_\_\_ daripada pegawai bank yang berbudi bahasa itu.

- A. Mesra      B. kasar      C. lemah gemalai      D. tatatertib

Soalan 8, rujuk gambar 2.



Gambar 2

8. Seorang ahli pengakap sedang \_\_\_\_\_ air dalam cerek di hadapan khemah .  
A. menjerang                              B. merebus                              C. memasak
9. Dia berasa gembira \_\_\_\_\_ menerima berita kejayaannya memperoleh 5A dalam UPSR.  
A. sebelum                                    C. selagi  
B. semasa                                    D. sehingga
10. Dia berasa sedih setelah mendengar berita jawatan sebagai ketua darjah akan digantikan dengan murid lain kerana dia sering ponteng sekolah.  
A. Bagai telur di hujung tanduk  
B. seperti isi dengan kuku  
C. seperti anjing dengan kucing

Soalan 11. Rujuk gambar 3



Gambar 3.

11. Perempuan itu \_\_\_\_\_ dulang berisi air dalam gelas untuk tetamu yang datang ke rumahnya.  
A. mengangkat                              C. menatang  
B. membawa                                 D. menadah
12. Mat digelar \_\_\_\_\_ oleh rakan-rakannya kerana suka merayau tidak tentu hala hingga larut malam.  
A. Hidung belang                            C. hidung tinggi  
B. Kutu embun                              D. kaki botol
13. “ \_\_\_\_\_ ambilkan pisau di atas meja itu,” kata ibu kepada kakak.  
A. Sila                                        B. Harap                                    C. Tolong                                    D Minta.
14. Motivasi Jatidiri untuk murid-murid tahun enam diharap dapat \_\_\_\_\_ semangat dan azam mereka untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.  
A. Mematahkan                            C. meranapkan  
B. Menaikkan                                D. memanjangkan

- 15."Saya tidak nampak \_\_\_\_\_ pun yang lalu di jalan ini," kata lelaki itu.  
A. beberapa C. apa-apa  
B. siapa-siapa D. mana-mana

Soalan 16 dan 17. Rujuk gambar 4



Gambar 4

16. Rambut adik \_\_\_\_\_ kerana baru bangun dari tidur.  
A. Lintang- pukang B kusut-kusut C. kusut- masai D. panjang lebar

17. Patung anak beruang itu mempunyai bulu yang lembut seperti \_\_\_\_\_.  
A. kek B. kapas C. agar-agar D. baldu

18. Pantai Barat Semenanjung Malaysia dijangka akan dilanda angin \_\_\_\_\_ selama beberapa minggu.

- A. Laju B. kencang C. deras D. pantas

19. Emak memarahi adik kerana tidak menutup tin itu rapat-rapat menyebabkan semua biskut di dalamnya \_\_\_\_\_.  
A. Cair B. lembik C. lemau D.garing

Soalan 20 berdasarkan gambar 5



Gambar 5

Lawan bagi keadaan televisyen itu ialah\_\_\_\_\_

- A. Kuat B. lembut C. lemah D. perlahan

21. Salmah berasa serba salah kerana terpaksa mungkir janji terhadap abangnya.

Perkataan yang seerti dengan mungkir ialah..

- A. menepati C. mematuhi  
B.mengingkari D. membuat

Soalan 22. Pilih **soalan** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

“Mengapakah kebelakangan ini kamu sering datang lewat ke sekolah,” tanya Cikgu Alan kepada Azlan.

- A. “Saya terpaksa menolong ibu menghantar kuih ke warung Mak Mah cikgu .”
  - B. “Saya memang selalu datang lewat cikgu.”
  - C. “ Memang betul cikgu, saya selalu datang lewat.”
  - D. “ Tidak cikgu,saya selalu datang lewat.”
23. Saya akan memperoleh keputusan yang cemerlang jika belajar dengan bersungguh-sungguh.
- A. Adakah kamu akan memperoleh keputusan cemerlang ?
  - B. Mengapakah kamu mesti belajar dengan bersungguh-sungguh?
  - C. Mengapakah kamu mesti?
  - D. Di manakah kamu belajar untuk berjaya ?

Pilih ayat yang menggunakan perkataan **bergaris dengan betul**.

24. i. Rumah sukan saya berjaya mengutip sebanyak 432 mata semasa hari sukan yang lepas.  
ii. Warga emas itu menjadikan pekerjaan menggunting rambut sebagai mata pencarian utamanya.  
iii. Mata gelap itu berjaya mengesan rumah penjenayah yang berbahaya itu.  
iv. Orang yang mata duitan tidak disukai oleh orang lain.
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, ii dan iii
  - D. ii, iii dan iv
25. A. Baju merah itu adalah untuk adik saya.  
B. Arahan itu ialah untuk semua murid di sekolah kami.  
C. Cerita misteri yang sedang menjadi bualan orang ramai ialah tidak benar.  
D. Budak perempuan itu adalah adik bongsu saya.

### Soalan 26 dan 27.

Pilih ayat yang **sama maksud dengan ayat yang diberi**.

26. Karangan yang ditulis oleh Zara mendapat markah yang tinggi kerana menepati tajuk.
- A. Zara mendapat markah yang tinggi dalam karangan.
  - B. Karangan Zara sangat tinggi markahnya kerana dia pandai menulis.
  - C. Zara memperoleh markah yang tinggi dalam karangan kerana isinya sesuai dengan tajuk.
  - D. Zara menulis karangan yang tinggi markahnya.
27. “ Murid-murid, hari kita akan menulis karangan yang bertajuk Hari Sukan,” kata Cikgu Nina.
- A. Cikgu Nina menyuruh murid-muridnya menulis karangan Hari Sukan.
  - B. Cikgu Nina memberitahu murid-muridnya hari itu mereka akan menulis karangan tentang Hari Sukan..
  - C. Murid-murid mengajak Cikgu Nina menulis cerita tentang Hari Sukan.
  - D. Cikgu Nina menulis karangan tentang Hari Sukan.

Soalan 28 – 30. Pilih ayat yang betul

28. i. Mereka bukan berminat menyertai lawatan itu kerana bayarannya mahal.  
ii. Tidak saya yang memecahkan pasu bunga itu.  
iii. Saya tidak suka makan makanan yang pedas.  
iv. Puan Siti menyeru murid-murid sekolah itu supaya tidak membuang sampah merata-rata tempat.  
A. I dan II                    C. II dan III  
B. II dan III                D. III dan IV
29. i. Amboi, pedihnya jariku terkena pisau yang tajam itu !  
ii. Semua barang makanan yang dikumpulkan akan didermakan kepada anak-anak yatim.  
iii. Encik Ahmad bekerja sebagai peniaga goreng pisang di Alin Restoran.  
iv. Emak menyuruh Syazwan membeli sos tomato di kedai Pak Mail.  
A. I, II dan III              C. II dan III  
B. II , III dan IV            D. II dan IV
30. A. Pemuda yang tampan itu ialah peragawan yang terkenal  
B. Saya baru menerima sepucuk surat dari kawan yang tinggal di Perak.  
C. Wah , malang sungguh nasibku ini !  
D. Amin telah menggal lubang di belakang sampah untuk menanamnya.

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Memancing ikan bukan saja suatu pengalaman yang menyeronokkan malahan dapat membentuk sikap pemancing. Apa tidaknya, kerana pemancing itu terpaksa menunggu beberapa jam sebelum pancingnya diragut ikan. Dengan itu, segelintir pemancing yang tidak sabar akan **angkat kaki** dari tempat tersebut.

Pengalaman yang pelbagai dapat dirasai dan ini bergantung kepada tempat seseorang itu memancing. Pengalaman memancing di sungai berbeza dengan pengalaman memancing di sawah atau di laut. Selain itu umpan yang digunakan juga berbeza mengikut jenis ikan yang akan dipancing. Pemancing ikan bujuk misalnya, terpaksa menempuh kesukaran semasa meredah semak-samun dan rumput-rumput yang tinggi. Pemancing juga terpaksa berendam di dalam paya berjam-jam dengan air separas pinggang. Pemancing juga terpaksa menggunakan kayu panjang semasa merentas kawasan berpaya. Kayu panjang ini berguna untuk menakutkan ular air yang lazimnya menghuni kawasan berpaya.

Bagi pemancing yang memburu ikan di laut lain pula ceritanya. Mereka terpaksa menaiki perahu atau bot dan berdepan dengan ombak kuat. Olengan perahu atau bot yang kuat boleh menyebabkan sesetengah pemancing mengalami mabuk laut. Jika pancing diragut ikan pula bukannya mudah untuk mendaratkan ikan tersebut. Misalnya untuk mendaratkan seekor ikan pari seberat 10 kilogram akan mengambil masa satu jam untuk menaikkan ikan tersebut. Jika tidak berhati-hati pemancing terpaksa berputih mata apabila tali pancing terpaksa diputuskan. Hal ini berlaku apabila ikan pari melekapkan tubuhnya ke dasar laut.

Barang kali cabaran yang paling mudah ialah memancing ikan yang ditembak di kolam. Bayaran dikenakan mengikut bilangan pancing yang dibawa atau mengikut masa pemancing berada di situ. Yang sering berlaku ialah ikan tidak makan pancing kerana telah kenyang atau ikan memang kurang di kolam tersebut.

- 31 Apakah cabaran yang selalu dihadapi ketika memancing ikan yang ditembak di kolam?
- A Terpaksa membawa umpan sendiri      C Tempatnya mudah didatangi  
B Ikan yang ditembak sangat jinak      D tidak mendapat ikan kerana ikan tidak makan umpan
- 32 Berikut ialah masalah ketika memancing di laut **kecuali...**
- A keadaan cuaca yang tidak menentu ketika di laut  
B masa yang singkat untuk menaikkan ikan  
C pemancing mengalami muntah dan pening-pening  
D terpaksa menempuh ombak besar
- 33 Apakah sikap utama yang terbentuk melalui kegiatan memancing?
- A Sabar      C Berani  
B Tabah      D Prihatin
- 34 Mengapakah sesetengah pemancing meninggalkan lubuk tempat mereka memancing?
- A Kerana tidak sabar  
B Tidak sanggup berendam lama dalam paya  
C Kerana ikan tidak banyak di lubuk berkenaan  
D Kerana tidak tahan dengan kesukaran yang dihadapi
- 35 Apakah maksud bagi perkataan **angkat kaki** dalam petikan di atas ?
- A Beredar ke tempat lain  
B Mengangkat kaki apabila terkena air  
C Menunggu sahaja di situ  
D Menunggu pemancing mendapat ikan

## **MINGGU KESELAMATAN JALAN RAYA**

Bersempena minggu keselamatan jalan raya, berbagai-bagai acara akan dijalankan seperti Peraduan Melukis Poster dan Pertandingan Memandu Cermat. Acara-acara ini disediakan khas untuk kanak-kanak sekolah rendah di Daerah Johor Bahru.

Murid-murid tahap dua dipelawa memasuki peraduan tersebut. Mereka yang berminat sila daftarkan nama anda kepada guru kelas masing-masing melalui borang yang disediakan. Peralatan boleh didapati daripada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing.

### **Syarat-syarat Pertandingan**

#### **Peraduan Melukis Poster :**

- Tajuk : Keselamatan di Jalan Raya
- Kertas lukisan berukuran 35 X 25 cm
- Nama, kelas dan nama sekolah ditulis di sudut atas sebelah kanan kertas lukisan.
- Se semua lukisan hendaklah diserahkan kepada PPD Johor Bahru sebelum 29 Mac 2010.

#### **Peraduan Memandu Cermat :**

- Diadakan pada hari Ahad 24 Mac 2010 pukul 9.00 pagi
- Bertempat di Dataran Teluk Danga ,Johor Bahru.
- Penerangan selanjutnya boleh didapati daripada Urus Setia dan Anggota Jawatankuasa Peraduan Memandu Cermat

Hadiyah berupa wang tunai dan sijil penghargaan akan diberi kepada pemenang tempat pertama, tempat kedua dan tempat ketiga. Dua belas hadiah saguhati serta sijil penghargaan disediakan bagi setiap kategori peraduan.

36. Sekiranya murid-murid tahun 4,5 dan 6 ingin mengambil bahagian, kepada siapakah mereka perlu mendaftarkan nama ?
- A. guru kelas                            C. guru bimbingan dan kaunseling  
B. guru besar                            D. PPD Johor Bahru
37. Apakah yang akan dibawa pulang oleh juara pertandingan bagi setiap kategori ?
- A. wang tunai dan hamper                            C. wang tunai dan sijil penyertaan  
B. wang tunai dan sijil penghargaan                D hamper dan sijil
38. Pihak penganjur pertandingan Minggu Keselamatan Jalan Raya perlu menyediakan hadiah kepada semua pemenang ...
- A. Sebanyak 12 hadiah                            C. Sebanyak 24 hadiah  
B. Sebanyak 15 hadiah                            D. sebanyak 30 hadiah
39. Pernyataan berikut salah tentang petikan **kecuali...**
- A. Pertandingan melukis diadakan di Dataran Teluk Danga  
B. Murid-murid tahun 2 dan 3 boleh menyertai peraduan memandu  
C. Semua peralatan untuk peraduan boleh diperolehi daripada guru bimbingan dan Sekolah masing-masing  
C. Semua peserta akan menerima hadiah saguhati
40. Pada pendapat anda apakah kebaikan mengetahui peraturan di jalan raya?
- A. Memudahkan murid-murid menaiki motosikal tanpa ibu bapa  
B. Murid-murid tahu menjaga keselamatan diri semasa di jalan raya  
C. Supaya murid-murid suka bermain di jalan raya  
D. Murid-murid mudah menyertai pertandingan perlumbaan motosikal

#### JAWAPAN

1.A	2.C	3.C	4.B	5.C
6.D	7.A	8.A	9.B	10.A
11.A	12.B	13.C	14.B	15.B
16.B	17.B	18.B	19.C	20.D
21.A	22.A	23.B	24.B	25.A
26.C	27.B	28.D	29.D	30.A
31.D	32.B	33.A	34.A	35.A
36.A	37.B	38.B	39.C	40.B